



PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN (PKP)

Dikemaskini pada 7 Jun 2021

Merangkumi

- Kehadiran ke mahkamah bagi urusan Pertuduhan Baharu, Penahanan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai.
- Perkhidmatan *corporate* dan *conveyancing* yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan perlu.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah aktiviti yang dibenarkan.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE)* dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kehadiran ke mahkamah bagi urusan Pertuduhan Baharu, Penahanan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai	<ul style="list-style-type: none"> • Peguam perlu mengemukakan surat pengesahan dari firma guaman untuk hadir ke mahkamah yang mengandungi butiran lokasi mahkamah dan tarikh kes bagi urusan Pertuduhan Baharu, Penahanan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai kepada pihak berkuasa di Sekatan Jalan Raya (SJR). • Bagi panel peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), jadual penggiliran bertugas yang dikeluarkan oleh Pusat Operasi YBGK negeri/LAC (<i>Legal Aid Center</i>) perlu ditunjukkan kepada pihak berkuasa di SJR.
Perkhidmatan <i>corporate</i> dan <i>conveyancing</i> yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan perlu.	<ul style="list-style-type: none"> • Kebenaran beroperasi terhad kepada firma guaman yang telah dilantik oleh syarikat/perniagaan yang tergolong dalam perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>). • Kapasiti kehadiran pekerja ke pejabat hendaklah tidak melebihi 20%. • Kebenaran beroperasi perlu dipohon melalui portal <i>Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0</i>. • Seterusnya, firma guaman akan dihubungi untuk mengemukakan dokumen-dokumen sokongan berikut; <ol style="list-style-type: none"> 1) dokumen/bukti yang menunjukkan lantikan firma guaman daripada syarikat/perniagaan yang diwakili; 2) kelulusan beroperasi yang telah diperoleh oleh syarikat/perniagaan yang diwakili; dan 3) dokumen/bukti bagi mengesahkan terdapat keperluan mendesak untuk perkhidmatan ini dilaksanakan dalam tempoh PKP. • Keputusan permohonan kebenaran untuk beroperasi perlu disemak melalui portal <i>CIMS</i>.



PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN (PKP)

Dikemaskini pada 7 Jun 2021

Merangkumi

- Kehadiran ke mahkamah bagi urusan Pertuduhan Baharu, Penahanan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai.
- Perkhidmatan *corporate* dan *conveyancing* yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan perlu.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti kecuali yang dinyatakan di bawah aktiviti yang dibenarkan.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 243/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE)* dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan

Bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik firma guaman diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pekerja dan pelanggan/ anak guam yang memasuki premis. • Pekerja dan pelanggan / anak guam diwajibkan merekodkan kehadiran melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon secara manual sekiranya tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).
Kehadiran pekerja dan pelawat ke premis firma guaman	<ul style="list-style-type: none"> • Saringan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema dan susah bernafas perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis. • Tidak membenarkan pekerja dan pelawat yang mempunyai gejala atau suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius untuk masuk ke premis dan pekerja dinasihati untuk mendapat rawatan di fasiliti kesihatan. • Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis